

# PM minta doktor2 jangan hadkan waktu bertugas

BN 26 FEB 1969

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan doktor-doktor di negara ini supaya menolak amalan 'hanya berkhidmat di waktu bertugas' sahaja, sebagaimana diamalkan oleh doktor di beberapa negara maju.

Perdana Menteri berkata, setiap doktor hendaklah bertanggungjawab dan memberi khidmat kepada pesakit, pada bila-bila masa diperlukan tanpa ragu-ragu.

Doktor di negara ini tidak perlu takut disaman jika kemungkinan mereka memberi layanan yang tidak begitu memuaskan kepada pesakit, sebagaimana diamalkan di beberapa negara maju.

"Jangan jadi seperti di beberapa negara maju. Doktor hanya bertugas dalam waktu bekerja. Waktu main golf tak boleh kerja. Mereka

tidak akan menerima sebarang panggilan, kerana pada mereka jika memberi layanan yang tidak mencukupi, mungkin boleh disaman dan membayar ganti rugi yang tinggi," katanya ketika merasmikan Pusat Pakar Tawakal, di sini, hari ini.

Pusat kesihatan swasta berharga kira-kira \$16 juta itu dibuka pertengahan tahun lalu dan dilengkapi dengan pelbagai alat moden dengan pakar-pakar terlatih dalam pelbagai bidang. Pada masa ini ia dapat menampung 150 orang dan akan diperbesar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, doktor-doktor di negara ini sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan berhubung sekatan amalan 'tidak terhad' ke atas saman terhadap seseorang. Di beberapa negara lain, seseorang itu boleh disaman hingga \$3,000 juta.

Sebagai contoh, beliau menje-

laskan, begitu ramai peguam Amerika Syarikat ghairah pergi ke India untuk mencari wang daripada kematian dan keseksaan yang dialami oleh rakyat di Bhopal. Tuntutan saman itu dikenakan terhadap Syarikat Union Carbide.

Tetapi, katanya, jika amalan itu dibenarkan di negara ini, peguam-peguam akan mencari orang-orang yang terkilan atau tidak puas hati dengan layanan doktor untuk mereka saman.

"Hinggakan masalah ketenangan jiwa pesakit juga boleh mereka saman di mahkamah. Keadaan ini tidak wujud di Malaysia," tambahnya.

Beliau juga menasihatkan doktor-doktor supaya tidak menjalankan amalan yang tidak sihat seperti membuat pelbagai ujian klinik dan makmal, bagi mengelak daripada kena saman, untuk dijadikan bukti.

"Saya harap cuma pemeriksaan yang penting sahaja perlu dijalankan. Janganlah kerana ingin mengelak daripada diseret ke mahkamah, kita membuat pemeriksaan yang bukan-bukan yang akhirnya membebankan pesakit-pesakit.

Katanya, biasa terjadi di sebuah negara seorang yang luka di jari telah diperiksa dengan pelbagai ujian, sehingga terpaksa membayar beribu-ribu ringgit yang di luar kemampuannya.

Perdana Menteri juga mengingatkan doktor-doktor di pusat itu supaya jangan terlalu memikirkan keuntungan

sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada masyarakat.

Katanya, pusat itu hendaklah membantu sesiapa sahaja, dalam keadaan terdesak sekurang-kurangnya untuk mendapatkan rawatan awal, sebelum pesakit itu boleh dihantar ke hospital-hospital lain.

## Penting

Beliau juga mengucap tahniah kepada penaja pusat itu kerana berjaya menyatukan kepakaran doktor-doktor dalam pelbagai bidang yang mewakili semua kaum di negara ini.

Keadaan di mana semua kaum terbabit dalam perusahaan seperti ini adalah amat penting. Kerajaan tidak mahu melihat suatu perusahaan dimiliki oleh satu kaum sahaja yang boleh menimbulkan masalah sentimen perkauman.

Dengan bertambahnya penyertaan pelbagai kaum terbabit di pusat pakar ini, beliau yakin tidak akan berlaku peristiwa orang ramai tidak mahu melanggan di pusat itu.

Beliau juga menjelaskan, apabila bertugas di pusat perubatan swasta, boss mereka adalah pesakit. Tidak seperti dalam kerajaan di mana boss mereka ialah ketua jabatan masing-masing.